



PROSEDUR KERJA SELAMAT BAHAGIAN BIOSEKURITI DAN SPS JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

BAHAGIAN BIOSEKURITI DAN SPS
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
WISMA TANI
ARAS 5, BLOK PODIUM 4G1
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62630 PUTRAJAYA

Kandungan

m/s

Pengenalpastian Hazard, Analisa Risiko dan Kawalan Risiko (Hazard Identification, Risk Assessment & Risk Control – HIRARC)

1.	HIRARC 01 – Pemeriksaan Veterinar di Premis	1
2.	HIRARC 02 - Pemeriksaan Ante Mortem di Abatoir dan Loji Pemprosesan Ayam	3
3.	HIRARC 03 - Pemeriksaan Post Mortem di Abatoir dan Loji Pemprosesan Ayam	4
4.	HIRARC 04 - Penyiasatan dan Survelan Penyakit Haiwan di Lapangan	5
5.	HIRARC 05 - Kawalan Penyakit Haiwan	7
6.	HIRARC 06 - Pemeriksaan Ante Mortem dan Post Mortem di Rumah Sembelih Ruminan	10

PROSEDUR KERJA SELAMAT (Safe Operating Procedure - SOP)

7.	Pemeriksaan Veterinar di Premis	11
8.	Pemeriksaan Ante Mortem di Abatoir dan Loji Pemprosesan Ayam	14
9.	Pemeriksaan Post Mortem di Abatoir dan Loji Pemprosesan Ayam	17
10.	Penyiasatan, Survelan dan Kawalan Penyakit Haiwan di Lapangan	20

HIRARC 01 - PEMERIKSAAN VETERINAR DI PREMIS

BIL	AKTIVITI	HAZARD	AKIBAT	RISIKO			KAWALAN RISIKO	LANGKAH KAWALAN YANG DISARANKAN
				L	S	R		
1.	Perjalanan ke loji menaiki kenderaan	1. Kenderaan 2. Pemandu 3. Keadaan Jalan	1. Kemalangan 2. Kecederaan 3. Kenderaan rosak	1	5	5	1. Kenderaan diselenggara mengikut jadual 2. Pemeriksaan kenderaan sebelum perjalanan 3. Pemanduterlatih	1. Semakan jadual penyelenggaraan kenderaan 2. Pemeriksaan buku log 3. Latihan berkala kepada pemandu 4. Pemeriksaan kesihatan tahunan pekerja.
2.	Pemeriksaan Bilik sejuk	1. Lantai licin 2. Suhu sejuk 3. Produk jatuh 4. Terkurung	1. Fizikal - Kecederaan 2. Hipotermia	3	4	12	1. But Getah/Safety shoes 2. Topi keselamatan 3. Baju sejuk	1. Pemakaian yang bersesuaian
3.	Pemeriksaan Ruang Pemprosesan	1. Lantai licin 2. Peralatan jatuh 3. Permukaan panas (contoh: steamer, minyak panas)	1. Fizikal - Kecederaan - Melecur	2	4	6	1. But Getah/Safety shoes 2. Topi keselamatan	1. Pemakaian yang bersesuaian 2. Mematuhi papan tanda amaran di dalam loji

BIL	AKTIVITI	HAZARD	AKIBAT	RISIKO			KAWALAN RISIKO	LANGKAH KAWALAN YANG DISARANKAN
				L	S	R		
4.	Pemeriksaan Ruang Stor	1. Produk jatuh 2. Fork lift	1. Fizikal - Kecederaan	1	4	4	1. Topi keselamatan 2. Vest Keselamatan	1. Memakai pakaian yang bersesuaian 2. Ikut laluan yang ditentukan oleh pihak loji
5.	Pemeriksaan Ruang Penyembelihan	1. Karkas 2. Lantai 3. Peralatantajam (Brisket saw, pisau, craddle, cangkuk) 4. Pekerja Stress mental	1. Fizikal - Kecederaan 2. Biological - Penyakit Zoonotik	1 3 2 1	3 4 4 3	3 12 8 3	1. Topi keselamatan 2. But getah 3. Sarung tangan kalis luka	1. Memakai pakaian yang bersesuaian 2. Berjaga-jaga

HIRARC 02 - PEMERIKSAAN ANTE MORTEM DI ABATOIR RUMINAN / BABI DAN LOJI PEMROSESAN AYAM

BIL	PENGENALPASTIAN HAZARD			ANALISA RISIKO			KAWALAN RISIKO	
	AKTIVITI	HAZARD	AKIBAT	KAWALAN RISIKO	RISIKO			LANGKAH KAWALAN YANG DISARANKAN
					L	S	R	
1.	Pemeriksaan Ternakan (Ante mortem)	1. Ternakan 2. Lantai licin 3. Penyakit Zoonotik	1. Fizikal - Kecederaan 2. Biologik - Penyakit	1. Teknik Pengendalian ternakan 2. But Getah 3. Peralatan Perlindungan Diri Kebersihan diri	1	3	3	1. Rujuk APTVM Pengendalian ternakan 2. Memakai pakaian perlindungan diri 3. Latihan Pengendalian Ternakan 4. Rujuk APTVM Disinfeksi [APTVM 22(d): 1/2011

HIRARC 03 - PEMERIKSAAN POST MORTEM DI ABATOIR RUMINAN / BABI DAN LOJI PEMROSESAN AYAM

BIL	PENGENALPASTIAN HAZARD			ANALISA RISIKO			KAWALAN RISIKO	
	AKTIVITI	HAZARD	AKIBAT	KAWALAN RISIKO	RISIKO			LANGKAH KAWALAN YANG DISARANKAN
					L	S	R	
1.	Pemeriksaan Postmortem	1. Peralatan tajam jatuh (contoh: cangkuk) 2. Peralatan tajam 3. Penyakit Zoonotik 4. Bendalir dari karkas (nodus limfa, abcess)	1. Fizikal - Kecederaan 2. Biological - Penyakit - Menjejaskan penglihatan	1. Topi keselamatan, 2. Peralatan Perlindungan Diri (face mask, goggle) Kebersihan diri	4	4	16	1. Pastikan mengikut Manual Kerja Seksyen Pemeriksaan Veterinar. 2. Bahagian yang di kondem hendaklah dibuang dalam tempat pelupusan organ. 3. Pemeriksaan kesihatan semasa dan tahunan pemeriksa veterinar 4. Rujuk APTVM Disinfeksi [APTVM 22(d): 1/2011
					3	4	12	
					3	4	12	

HIRARC 04 - PENYIASATAN DAN SURVELAN PENYAKIT HAIWAN DI LAPANGAN

BIL	PENGENALPASTIAN HAZARD			ANALISA RISIKO			KAWALAN RISIKO	
	AKTIVITI	HAZARD	AKIBAT	KAWALAN RISIKO	RISIKO			LANGKAH KAWALAN YANG DISARANKAN
					L	S	R	
1.	Pengangkutan ke premis haiwan/ternakan	1. Jarak perjalanan jauh. 2. Jalan raya 3. Kenderaan 4. Pemandu	Fizikal - Kemalangan, kecederaan - Stress haba	1. Pemadu berhemah 2. Kenderaan diselenggara 3. Merancang perjalanan	3 4 3 2	4 3 4 2	12 12 12 4	1. Pastikan kenderaan diselenggara dengan baik. 2. Pastikan pemandu berhemah dan berpengalaman. 3. Pemeriksaan buku log kenderaan. 4. Latihan berkala untuk pemandu.
2.	Pemeriksaan haiwan yang disyaki penyakit	1. Pathogen zoonosis. 2. Haiwan/ternakan yang sukar dikawal dikekang atau agresif. 3. Pemilik haiwan/ternakan agresif.	1. Fizikal: - Kecederaan dan kemalangan - Stress 2. Biologiikal: - Jangkitan penyakit zoonosis	1. Pemakaian PPE yang lengkap 2. Teknik kekangan haiwan yang berkesan 3. Amalan kerja selamat (SOP pemeriksaan haiwan)	4 4 1	4 4 2	16 16 2	1. Pastikan haiwan ditempatkan didalam pasung.(rujukan mengekang haiwan) 2. Kaedah mengekang haiwan. 3. Pastikan bekalan PPE mencukupi dan selamat. 4. Melatih pegawai teknikal tentang bahaya jangkitan penyakit haiwan, komunikasi berkesan dan pengendalian.
3.	Pengekangan haiwan/ternakan	1. Haiwan/ternakan yang sukar dikekang atau agresif.	1. Fizikal - Kecederaan 2. Biological - Jangkitan penyakit akibat gigitan haiwan.	1. Pemakaian PPE yang lengkap 2. Teknik kekangan haiwan yang berkesan	4 4	4 4	16	1. Bersiap sedia dengan bekalan PPE dan alatan kekangan mencukupi dan dalam keadaan baik. 2. Melatih pegawai teknikal tentang bahaya jangkitan penyakit haiwan, komunikasi berkesan dan pengendalian.

BIL	PENGENALPASTIAN HAZARD			ANALISA RISIKO			KAWALAN RISIKO	
	AKTIVITI	HAZARD	AKIBAT	KAWALAN RISIKO	RISIKO			LANGKAH KAWALAN YANG DISARANKAN
					L	S	R	
4.	Pengambilan sampel untuk ujian makmal	1. Pathogen zoonosis 2. Peralatan tajam 3. Bahan kimia (contoh: Formalin, transport media)	1. Fizikal - Kecederaan 2. Biological - Penyakit zoonosis - Terkena atau terhidu bahan kimia	1. Amalan kerja yang selamat (Rujukan: Guideline for Sample Submission) 2. Pemakaian PPE yang lengkap dan sesuai.	4 4 3	4 2 1	16 8 3	1. Bekalan PPE dan alatan kekangan sentiasa mencukupi dan dalam keadaan baik. 2. Alatan peti kecemasan yang lengkap dan tersedia. 3. Pegawai dilatih dengan pertolongan cemas.
5.	Pemeriksaan ladang	1. kandang yang tidak sempurna. 2. lantai licin dan tidak sekata. 3. Anjing penjaga ladang/kandang 4. Haiwan/ternakan yang sukar dikawal dikekang atau agresif 5. pathogen zoonosis	1. Fizikal - Kecederaan 2. Biological - Penyakit zoonosis	1. Amalan kerja yang selamat (APTVM: Pemeriksaan Veterinar Bagi Audit Persijilan MyGAP-Sektor Ternakan di Lapangan) 2. Pemakaian PPE yang lengkap 3. Komunikasi dengan pemilik ladang untuk memaklumkan kehadiran supaya anjing penjaga tiada semasa kehadiran.	4 4 3 4 4	2 2 1 4 4	8 8 3 16 16	1. Bersiap sedia dengan bekalan PPE dan alatan kekangan mencukupi dan dalam keadaan baik. 2. Khidmat nasihat kepada pemilik premis untuk mengamalkan Skim Persijilan MyGAP. 3. Melatih pegawai teknikal tentang bahaya jangkitan penyakit haiwan, komunikasi berkesan dan pengendalian.

HIRARC 05 - KAWALAN PENYAKIT HAIWAN

BIL	PENGENALPASTIAN HAZARD			ANALISA RISIKO			KAWALAN RISIKO	LANGKAH KAWALAN YANG DISARANKAN	
	AKTIVITI	HAZARD	AKIBAT	KAWALAN RISIKO	RISIKO				
					L	S			R
1.	Pengasingan haiwan berpenyakit	1. patogen zoonosis 2. Haiwan/ ternakan yang sukar dikawal dikekang atau agresif	1. Fizikal: - Kecederaan 2. Biologikal: - jangkitan penyakit zoonosis	1. Amalan kerja selamat (Rujukan: Prosedur Kerja Selamat Penyiasatan, Survalen dan Kawalan Penyakit Haiwan di Lapangan) 2. pemakaian PPE yang lengkap 3. Teknik kekangan haiwan yang berkesan	4	4	16	1. Bersiap sedia dengan bekalan PPE dan alatan kekangan mencukupi dan dalam keadaan baik. 2. Melatih pegawai teknikal tentang bahaya jangkitan penyakit haiwan dan pengendalian. 3. Pegawai dilatih dengan pertolongan cemas.	
2.	Rawatan haiwan	1. kandang yang tidak sempurna. 2. lantai licin dan tidak sekata 3. Haiwan/ternakan yang sukar dikawal dikekang atau agresif 4. patogen zoonosis 5. Peralatan rawatan 6. bahan kimia dan biologic	1. Fizikal: - Kecederaan dan kemalangan 2. Biologikal: - jangkitan penyakit zoonosis - terkena atau terhidu bahan kimia dan biologik	1. Pemakaian PPE yang lengkap 2. Teknik kekangan haiwan yang berkesan 3. Penggunaan bekas khas untuk melupuskan objek tajam. 4. Amalan kerja selamat (SOP Rawatan)	4	2	8	1. Bersiap sedia dengan bekalan PPE dan alatan kekangan mencukupi dan dalam keadaan baik. 2. Melatih pegawai teknikal tentang bahaya jangkitan penyakit haiwan dan pengendalian. 3. Pegawai dilatih dengan pertolongan cemas. 4. mengamalkan pelupusan secara berjadual.	
					4	2	8		
					4	4	16		
					4	4	16		
					4	3	12		
					3	1	3		

BIL	PENGENALPASTIAN HAZARD			ANALISA RISIKO			KAWALAN RISIKO	
	AKTIVITI	HAZARD	AKIBAT	KAWALAN RISIKO	RISIKO			LANGKAH KAWALAN YANG DISARANKAN
					L	S	R	
3	Disinfeksi kawasan dan peralatan	<ol style="list-style-type: none"> kandang yang tidak sempurna. lantai licin dan tidak sekata. pathogen zoonosis Bahan kimia 	<ol style="list-style-type: none"> Fizikal: <ul style="list-style-type: none"> Kecederaan dan kemalangan Biologikal: <ul style="list-style-type: none"> jangkitan penyakit zoonosis terkena atau terhidu bahan kimia 	<ol style="list-style-type: none"> Amalan kerja selamat (rujukan APTVM - Disinfeksi) Pemakaian PPE yang lengkap Penggunaan bahan kimia mengikut prosedur yang ditetapkan. 	4	2	8	<ol style="list-style-type: none"> Bersiap sedia dengan bekalan PPE dan alatan kekangan mencukupi dan dalam keadaan baik. Melatih pegawai teknikal tentang bahaya jangkitan penyakit haiwan. Pegawai dilatih dengan pertolongan cemas. Penggunaan bahan kimia mengikut prosedur yang ditetapkan.
4	Vaksinasi	<ol style="list-style-type: none"> kandang yang tidak sempurna. lantai licin dan tidak sekata. Bahan biologic (vaksin) Peralatan vaksinasi Haiwan/ternakan yang sukar dikawal dikekang atau agresif 	<ol style="list-style-type: none"> Fizikal: <ul style="list-style-type: none"> Kecederaan dan kemalangan Biologikal <ul style="list-style-type: none"> tercucuk, terhidu, dan termakan. 	<ol style="list-style-type: none"> Amalan kerja selamat (APTVM - Vaksinasi) Pemakaian PPE yang lengkap. Penggunaan vaksin mengikut prosedur yang ditetapkan. Pegawai teknikal terlatih Penggunaan bekas khas untuk melupuskan objek tajam. 	4	2	8	<ol style="list-style-type: none"> Bersiap sedia dengan bekalan PPE dan alatan kekangan mencukupi dan dalam keadaan baik. Melatih pegawai teknikal tentang bahaya jangkitan penyakit haiwan. Penggunaan bahan biologic(vaksin) mengikut prosedur yang ditetapkan. mengamalkan pelupusan secara berjadual.

BIL	PENGENALPASTIAN HAZARD			ANALISA RISIKO			KAWALAN RISIKO	
	AKTIVITI	HAZARD	AKIBAT	KAWALAN RISIKO	RISIKO			LANGKAH KAWALAN YANG DISARANKAN
					L	S	R	
5	Pemusnahan dan pelupusan haiwan ternakan	1. patogen zoonosis 2. Haiwan/ternakan yang sukar dikawal dikekang atau agresif 3. Bahan kimia 4. Incinerator 5. Lubang pelupusan	1. Biologikal: - jangkitan penyakit zoonosis - tercucuk, terhidu bahan kimia. 2. Fizikal: - Kecederaan dan kemalangan - melecur	1. Pemakaian PPE yang lengkap. 2. Penggunaan bahan kimia mengikut prosedur yang ditetapkan. (Rujukan: Industry Code of practice on chemicals classification & hazard communication 2014) 3. Pegawai teknikal terlatih 4. Amalan kerja selamat (SOP incinerator) 5. Penggunaan bekas khas untuk melupuskan objek tajam.	4	4	16	1. 1.Bersiap sedia dengan bekalan PPE dan alatan kekangan mencukupi dan dalam keadaan baik. 2. Melatih pegawai teknikal tentang bahaya jangkitan penyakit haiwan. 3. Penggunaan bahan kimia mengikut prosedur yang ditetapkan.

PROSEDUR KERJA SELAMAT
PEMERIKSAAN VETERINAR DI PREMIS

1.0 PENGENALAN

Keselamatan dan kesihatan diri semasa menjalankan tugas-tugas rasmi adalah tanggungjawab setiap pegawai dan kakitangan sokongan yang melibatkan pengurusan atasan juga. Pegawai dan kakitangan mestilah berwaspada dan sentiasa memberikan tumpuan sepenuhnya semasa menjalankan kerja-kerja pemeriksaan veterinar untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kemalangan atau kejadian berbahaya kepada diri sendiri.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Bertujuan untuk memberi panduan kepada pegawai dan kakitangan sokongan DVS yang perlu diikuti bagi menjalankan kerja pemeriksaan veterinar di loji pemprosesan, Abatoir dan Premis Haiwan
- 2.2 Panduan ini meliputi Prosedur Kerja Selamat sebelum, semasa dan selepas kerja pemeriksaan dijalankan

3.0 SKOP

- 3.1 Prosedur Kerja Selamat ini boleh digunakan sebagai panduan untuk pegawai dan kakitangan DVS semasa menjalankan pemeriksaan veterinar di premis seperti loji pemprosesan, abattoir, pusat penyembelihan ayam skala kecil, kilang makanan haiwan, klinik haiwan dan kedai haiwan

4.0 TaTACARA KERJA & LANGKAH KAWALAN

4.1 Persiapan Awal

- 4.1.1 Pastikan lokasi premis yang hendak diperiksa dan rancang perjalanan (rujuk manual persampelan kebangsaan tahunan)
- 4.1.2 Pastikan pemeriksaan awal kenderaan oleh pemandu sebelum perjalanan (Rujuk pekeliling Perbendaharaan Bil 05/2013 - Pengurusan Kenderaan Jabatan)
- 4.1.3 Kakitangan DVS yang mengandung atau menyusukan bayi atau mempunyai alahan hendaklah memastikan tempat kerja yang dilawati tidak akan menjejaskan kesihatan diri dan kandungannya
- 4.1.4 Pastikan diri berada dalam kesihatan yang baik
- 4.1.5 Pastikan kenderaan dalam kenderaan yang baik dan diletakkan di tempat yang selamat (rujuk pekeliling Perbendaharaan Bil 05/2013 - Pengurusan Kenderaan Jabatan)
- 4.1.6 Pastikan memakai pakaian yang sesuai

4.1.7 Pastikan kelengkapan perlindungan diri yang sesuai berada dalam keadaan baik dan berfungsi dibawa bersama.

4.2 Semasa pemeriksaan

4.2.1 Memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa.

4.2.2 Memberi segala maklumat berkenaan tujuan kedatangan kepada pemunya premis berkenaan

4.2.3 Mesyuarat pembukaan dengan wakil premis dengan menyatakan tujuan dan skop pemeriksaan.

4.2.4 Pakai Peralatan Perlindungan diri yang bersesuaian

4.2.5 Melaksanakan pemeriksaan on-site bersama wakil premis

4.2.6 Berkomunikasi dengan wakil premis untuk mengenalpasti bahaya jika perlu.

4.2.7 Guna peralatan yang betul untuk pemeriksaan.

4.2.8 Jangan tergesa-gesa

4.2.9 Jangan menulis atau membaca semasa berjalan

4.2.10 Jangan bergurau semasa membuat pemeriksaan

4.2.11 Jangan memanjat di tempat tinggi jika gayat

4.2.12 Ikut langkah-langkah berikut jika memeriksa bilik sejuk

- a. Maklumkan kepada rakan atau pemilik premis sebelum memasuki bilik sejuk dan pastikan ada seorang berada di luar bilik sejuk
- b. Pakai pakaian yang disediakan
- c. Jangan berada di dalam bilik sejuk terlalu lama
- d. Jika berlaku kecemasan sila jerit untuk mendapatkan pertolongan
- e. Selepas keluar maklumkan kepada pemilik premis

4.2.13 Jangan makan, minum dan merokok

4.2.14 Jika penat, berehat sebentar

4.3 Selepas Pemeriksaan

4.3.1 Bersihkan diri

4.3.2 Berehat dan minum air jika perlu

4.3.3 Mesyuarat penutup:

- Menerangkan kepada majikan atau wakil premis tentang hasil pemeriksaan dan tindakan yang diambil selepas pemeriksaan
- Mengeluarkan Notis Ketidakakuran ke atas tempat pemeriksaan sekiranya perlu

4.3.4 Memandu berhati-hati ketika perjalanan balik

5.0 PANDUAN KECEMASAN

- 5.1 Jika mendapat kecederaan atau tindakbalas alahan yang serius dapatkan rawatan dengan segera dan laporkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan (Rujuk Sistem Pelaporan Kemalangan)
- 5.2 Jika di dalam keadaan kecemasan yang boleh menjejaskan keselamatan diri sila laporkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dengan segera untuk mendapat bantuan dari agensi lain jika perlu (Rujuk Sistem Pelaporan Kemalangan).

6.0 PENUTUP

Dengan memahami dan mengamalkan prosedur kerja ini setiap kakitangan akan sentiasa dapat menjalankan kerja dengan cara yang selamat dan sihat. Kerja yang sentiasa selamat akan dapat menghindarkan daripada berlakunya kemalangan dan penyakit pekerjaan yang tidak diingini dan seterusnya menyumbang keadaan ke arah pembentukan budaya kerja selamat dan sihat.

7.0 RUJUKAN

- 7.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil 05/2013 - Pengurusan Kenderaan Jabatan
- 7.2 APTVM Disinfeksi [APTVM 22(d): 1/2011]
- 7.3 APTVM Pemeriksaan Haiwan [APTVM 23(e): 1/2013]
- 7.4 APTVM Pemeriksaan Veterinar Di Loji Pemprosesan [APTVM 23(a): 1/2010]
- 7.5 APTVM Pemeriksaan Veterinar Ladang Ternakan [APTVM 23(b): 1/2010]
- 7.6 APTVM Pemeriksaan Abatoir dan Loji pemprosesan Luar Negara [APTVM 23(h): 1/2014]
- 7.7 HIRARC-01 : Pemeriksaan Veterinar di Premis

PROSEDUR KERJA SELAMAT
PEMERIKSAAN ANTE MORTEM DI ABATOIR RUMINAN/ BABI DAN LOJI PEMROSESAN
AYAM

1.0 PENGENALAN

Keselamatan dan kesihatan diri semasa menjalankan tugas-tugas rasmi adalah tanggungjawab setiap pegawai dan kakitangan sokongan yang melibatkan pengurusan atasan juga. Pegawai dan kakitangan mestilah berwaspada dan sentiasa memberikan tumpuan sepenuhnya semasa menjalankan kerja-kerja pemeriksaan veterinar untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kemalangan atau kejadian berbahaya kepada diri sendiri.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Bertujuan untuk memberi panduan kepada pegawai dan kakitangan sokongan DVS yang perlu diikuti bagi menjalankan kerja pemeriksaan Ante Mortem di abattoir ruminan/ babi dan loji pemprosesan ayam
- 2.2 Panduan ini meliputi Prosedur Kerja Selamat sebelum, semasa dan selepas kerja pemeriksaan dijalankan

3.0 SKOP

- 3.1 Prosedur Kerja Selamat ini boleh digunakan sebagai panduan untuk pegawai dan kakitangan DVS semasa menjalankan pemeriksaan Ante Mortem di abattoir ruminan/ babi dan loji pemprosesan ayam

4.0 TATACARA KERJA & LANGKAH KAWALAN

4.1 Persiapan Awal

- 4.1.1 Dapatkan jadual penerimaan ternakan bererta kuantiti ternakan yang diperiksa
- 4.1.2 Rancang jadual pemeriksaan
- 4.1.3 Kakitangan DVS yang mengandungi atau menyusukan bayi atau mempunyai alahan hendaklah memastikan aktiviti pemeriksaan tidak akan menjejaskan kesihatan diri dan kandungannya
- 4.1.4 Pastikan diri berada dalam kesihatan yang baik
- 4.1.5 Pastikan memakai pakaian yang sesuai
- 4.1.6 Pastikan kelengkapan perlindungan diri yang sesuai berada dalam keadaan baik dan berfungsi dibawa bersama.
- 4.1.7 Pastikan ternakan yang hendak diperiksa berada dalam kurungan yang selamat dan tidak membahayakan pemeriksa.

4.2 Semasa Pemeriksaan (Ante Mortem)

- 4.2.1 Pakai Peralatan Perlindungan diri yang bersesuaian
- 4.2.2 Berkomunikasi dengan penternak/pekerja untuk mengenalpasti bahaya jika perlu.
- 4.2.3 Perhatikan tingkahlaku ternakan
- 4.2.4 Pastikan ternakan dalam keadaan tenang sebelum dihampiri
- 4.2.5 Berhati-hati sekiranya disyaki ternakan menunjukkan tanda-tanda penyakit zoonotik
- 4.2.6 Jangan mengendalikan ternakan yang disyaki berpenyakit tanpa pemakaian perlindungan diri bersesuaian (PPE). (Rujuk Protokol Veterinar Malaysia)
- 4.2.7 Guna peralatan yang betul untuk pemeriksaan.
- 4.2.8 Melaksanakan pemeriksaan ke atas ternakan
- 4.2.9 Jangan tergesa-gesa
- 4.2.10 Jangan menulis atau membaca semasa berjalan
- 4.2.11 Jangan bergurau semasa membuat pemeriksaan
- 4.2.12 Berhati-hati dengan lantai licin dan najis
- 4.2.13 Jangan makan, minum dan merokok
- 4.2.14 Jika penat, berehat sebentar

4.3 Selepas Pemeriksaan

- 4.3.1 Bersihkan diri
- 4.3.2 Berehat dan minum air jika perlu

5.0 PANDUAN KECEMASAN

- 5.1 Jika mendapat kecederaan atau tindakbalas alahan yang serius dapatkan rawatan dengan segera dan laporkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan (Rujuk Sistem Pelaporan Kemalangan).
- 5.2 Pastikan Peti Pertolongan Cemas sentiasa ada dan mematuhi jangka hayat.

6.0 PENUTUP

Dengan memahami dan mengamalkan prosedur kerja ini setiap kakitangan akan sentiasa dapat menjalankan kerja dengan cara yang selamat dan sihat. Kerja yang sentiasa selamat akan dapat menghindarkan daripada berlakunya kemalangan dan penyakit pekerjaan yang tidak diingini dan seterusnya menyumbang keadaan ke arah pembentukan budaya kerja selamat dan sihat.

7.0 RUJUKAN

- 7.1 APTVM Disinfeksi [APTVM 22(d): 1/2011]
- 7.2 APTVM Pemeriksaan Haiwan [APTVM 23(e): 1/2013]
- 7.3 Protokol Veterinar Malaysia
- 7.4 HIRARC-02 : Pemeriksaan Ante Mortem di Abatoir Ruminan / Babi dan Loji Pemprosesan Ayam

PROSEDUR KERJA SELAMAT

PEMERIKSAAN POST MORTEM DI ABATOIR RUMINAN / BABI DAN LOJI PEMROSESAN AYAM

1.0 PENGENALAN

Keselamatan dan kesihatan diri semasa menjalankan tugas-tugas rasmi adalah tanggungjawab setiap pegawai dan kakitangan sokongan yang melibatkan pengurusan atasan juga. Pegawai dan kakitangan mestilah berwaspada dan sentiasa memberikan tumpuan sepenuhnya semasa menjalankan kerja-kerja pemeriksaan veterinar untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kemalangan atau kejadian berbahaya kepada diri sendiri.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Bertujuan untuk memberi panduan kepada pegawai dan kakitangan sokongan DVS yang perlu diikuti bagi menjalankan kerja pemeriksaan Post Mortem di abattoir ruminan/babi dan loji pemprosesan ayam
- 2.2 Panduan ini meliputi Prosedur Kerja Selamat sebelum, semasa dan selepas kerja pemeriksaan dijalankan

3.0 SKOP

- 3.1 Prosedur Kerja Selamat ini boleh digunakan sebagai panduan untuk pegawai dan kakitangan DVS semasa menjalankan pemeriksaan Post Mortem di abattoir ruminan/ babi dan loji pemprosesan ayam

4.0 TATACARA KERJA & LANGKAH KAWALAN

4.1 Persiapan Awal

- 4.1.1 Dapatkan jadual penyembelihan ternakan
- 4.1.2 Rancang jadual pemeriksaan
- 4.1.3 Kakitangan DVS yang mengandungi atau menyusukan bayi atau mempunyai alahan hendaklah memastikan aktiviti pemeriksaan tidak akan menjejaskan kesihatan diri dan kandungannya
- 4.1.4 Pastikan diri berada dalam kesihatan yang baik
- 4.1.5 Pastikan memakai pakaian yang sesuai
- 4.1.6 Pastikan kelengkapan perlindungan diri yang sesuai berada dalam keadaan baik dan berfungsi dibawa bersama.
- 4.1.7 Pastikan peralatan pemeriksaan dan perkakasan persampelan yang lengkap disediakan

4.2 Semasa Pemeriksaan

- 4.2.1 Pakai Peralatan Perlindungan diri yang bersesuaian
- 4.2.2 Berhati-hati mengendalikan karkas dan organ dalaman yang disyaki berpenyakit (Rujuk Protokol Veterinar Malaysia)
- 4.2.3 Berhati-hati mengendalikan sebarang keabnormalan pada karkas dan organ (contoh: abcess)
- 4.2.4 Guna peralatan yang betul untuk pemeriksaan.
- 4.2.5 Melaksanakan pemeriksaan ke atas karkas
- 4.2.6 Jangan tergesa-gesa
- 4.2.7 Jangan menulis atau membaca semasa berjalan
- 4.2.8 Jangan bergurau semasa membuat pemeriksaan
- 4.2.9 Berhati-hati dengan lantai licin dan najis
- 4.2.10 Berhati-hati semasa menggunakan peralatan tajam
- 4.2.11 Jangan makan, minum dan merokok
- 4.2.12 Jika penat, berehat sebentar

4.3 Selepas Pemeriksaan

- 4.3.1 Menanggalkan PPE dan buang di tempat yang disediakan.
- 4.3.2 Bersihkan diri
- 4.3.3 Berehat dan minum air jika perlu

5.0 PANDUAN KECEMASAN

- 5.1 Jika mendapat kecederaan atau tindakbalas alahan yang serius dapatkan rawatan dengan segera dan laporkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan (Rujuk Sistem Pelaporan Kemalangan).
- 5.2 Pastikan Peti Pertolongan Cemas sentiasa ada dan mematuhi jangka hayat.

6.0 PENUTUP

Dengan memahami dan mengamalkan prosedur kerja ini setiap kakitangan akan sentiasa dapat menjalankan kerja dengan cara yang selamat dan sihat. Kerja yang sentiasa selamat akan dapat menghindarkan daripada berlakunya kemalangan dan penyakit pekerjaan yang tidak diingini dan seterusnya menyumbang keadaan ke arah pembentukan budaya kerja selamat dan sihat.

7.0 RUJUKAN

- 7.1 APTVM Disinfeksi [APTVM 22(d): 1/2011]
- 7.2 APTVM Pemeriksaan Haiwan [APTVM 23(e): 1/2013]
- 7.3 Protokol Veterinar Malaysia
- 7.4 HIRARC-03: Pemeriksaan Post Mortem di Abatoir Ruminan / Babi dan Loji Pemprosesan Ayam

PROSEDUR KERJA SELAMAT

PENYIASATAN, SURVELAN DAN KAWALAN PENYAKIT HAIWAN DI LAPANGAN

1.0 PENGENALAN

Keselamatan dan kesihatan semasa menjalankan tugas-tugas rasmi adalah tanggungjawab setiap kakitangan. Ia melibatkan semua pihak iaitu daripada pengurusan atasan kepada kakitangan bawahan. Kakitangan DVS mestilah berwaspada dan sentiasa memberikan tumpuan sepenuhnya semasa menjalankan kerja-kerja penyiasatan, surveilan dan kawalan penyakit haiwan untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kemalangan atau kejadian berbahaya kepada diri sendiri.

Arahan kerja ini disediakan sebagai panduan kepada setiap kakitangan DVS tentang aspek-aspek dan tatacara tugas-tugas didalam dan diluar pejabat agar mereka mampu mengenalpasti hazard, menilai risiko, mengambil langkah-langkah pencegahan dan menggunakan kelengkapan diri yang sesuai.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Bertujuan untuk memberi panduan kepada kakitangan DVS mengenai AK yang perlu diikuti bagi menjalankan kerja-kerja penyiasatan dan surveilan penyakit haiwan.
- 2.2 Panduan ini meliputi AK persiapan awal, semasa dan selepas kerja pemeriksaan dijalankan.

3.0 SKOP

- 3.1 Arahan kerja ini boleh digunakan sebagai panduan untuk kakitangan DVS semasa menjalankan kerja-kerja penyiasatan dan surveilan penyakit haiwan.

4.0 TATACARA KERJA & LANGKAH KAWALAN

4.1 PERSIAPAN AWAL

- 4.1.1 Pastikan program penyiasatan/surveilan/kawalan penyakit haiwan terancang.
- 4.1.2 Pastikan kenderaan telah diselenggara dan selamat digunakan.
- 4.1.3 Pastikan semua petugas dalam keadaan sihat dan bersedia untukbertugas.
- 4.1.4 Pastikan kelengkapan PPE, peralatan kekangan dan pesampelan disediakan dan mencukupi serta didalam keadaan baik.

4.2 SEMASA BEKERJA

- 4.2.1 Memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa.
- 4.2.2 Memberi segala maklumat berkenaan tujuan kedatangan kepada pemunya premis berkenaan.
- 4.2.3 Mendapat gambaran dengan jelas tentang aktiviti ladang dan kejadian penyakit dari majikan atau pekerja ladang. Semak buku rekod lawatan atau fail-fail yang bersangkutan.
- 4.2.4 Berkomunikasi dengan pekerja untuk mengenalpasti bahaya jika perlu.
- 4.2.5 Kenal pasti laluan kecemasan semasa kerja
- 4.2.6 Memakai kelengkapan PPE yang bersesuaian.
- 4.2.7 Menggunakan peralatan dan teknik yang betul, selamat digunakan dan bersesuaian dengan program yang dijalankan.
- 4.2.8 Mengenal pasti perilaku haiwan/ternakan sebelum mendatangi haiwan/ternakan tersebut.
- 4.2.9 Sebarang tumpahan bahan kimia perlu di bersihkan dengan kaedah yang betul.
- 4.2.10 Sentiasa berhati-hati semasa mengendalikan peralatan tajam
- 4.2.11 Tidak tergesa-gesa semasa menjalankan tugas.
- 4.2.12 Elakkan dari terhidu dan terkena bahan kimia
- 4.2.13 Pastikan persekitaran tempat kerja selamat
- 4.2.14 Pastikan sampel yang diambil dilabel dan disimpan didalam bekas yang bersesuaian.
- 4.2.15 Jarum dan peralatan rawatan tajam perlu di buang di dalam bekas yang khas.
- 4.2.16 Jangan bergurau senda semasa menjalankan tugas.
- 4.2.17 Jangan merokok di kawasan kerja.
- 4.2.18 Jangan makan atau minum di kawasan kerja.
- 4.2.19 Jika penat, berehat sebentar.

4.3 SELEPAS BERKERJA

- 4.3.1 Membersih, disinfeksi serta menyimpan semua peralatan yang telah digunakan.
- 4.3.2 Memastikan kawasan kerja dibersihkan dan disinfeksikan.
- 4.3.3 Pastikan jarum dan peralatan rawatan tajam yang telah digunakan dilupuskan ditempat yang betul dan bersesuaian.
- 4.3.4 Disinfeksi pakaian dan kasut/gumboot selepas keluar ladang.

- 4.3.5 Menanggalkan PPE di kawasan yang telah ditetapkan dan pelupusan dengan kaedah yang sesuai. (rujuk APTVM Disinfeksi dan APTVM Penghapusan).
- 4.3.6 Membersih tangan atau mandi dengan bahan disinfektan yang sesuai.

5.0 PANDUAN KECEMASAN

- 5.1 Sekiranya mengalami kecederaan, kemalangan atau tindakbalas alahan yang serius dapatkan rawatan dengan segera.
- 5.2 Semua kejadian kemalangan hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa KKP dengan segera.
- 5.3 Sentiasa bersedia dengan nombor kecemasan untuk dihubungi.
- 5.4 Memastikan peti pertolongan cemas lengkap,berkeadaan baik dan tersedia.

6.0 PENUTUP

Dengan memahami dan mengamalkan Arahan Kerja ini, setiap kakitangan akan sentiasa dapat menjalankan kerja dengan cara yang selamat dan sihat. Kerja yang sentiasa selamat akan dapat menghindarkan daripada berlakunya kemalangan dan penyakit pekerjaan yang tidak diinginkan dan seterusnya menyumbang ke arah pembentukan budaya kerja selamat dan sihat.

7.0 RUJUKAN

- 7.1 MS 1722:2011 – Klausu 3.3.3 Pengenalpastian Hazad, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko
- 7.2 OHSAS 18001:2007 – Klausu 4.4.6 Kawalan Operasi
- 7.3 APTVM 22(a):1/2010 –Kuarantin Haiwan Berpenyakit
- 7.4 APTVM 16(C): 1/2011 – Kesihatan Awam Veterinar
- 7.5 APTVM 23(B):1/2010 – Pemeriksaan Veterinar di Ladang Veterinar
- 7.6 APTVM 23(a):1/2010 – Pemeriksaan Veterinar di Loji Pemprosesan
- 7.7 APTVM 22(d):1/2011 – Disinfeksi
- 7.8 APTVM 22(e): 1/2010 – Penghapusan
- 7.9 APTVM 24(a): 1/2011 – Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan
- 7.10 APTVM 22(f):1/2011 – Penyiasatan Penyakit dan Kajian Epidemiologi
- 7.11 APTVM 22(g): 1/2011 – Survelan untuk Penyakit Haiwan
- 7.12 APTVM 22(b):1/2010 – Vaksinasi
- 7.13 APTVM 22(c): 1/2010 – Perubatan Veterinar
- 7.14 HIRARC 04 - Penyiasatan Dan Survelan Penyakit Haiwan Di Lapangan
- 7.15 HIRARC 05 – Kawalan Penyakit Haiwan